

MENJALANKAN LATIHAN DALAM TALIAN (ONLINE)**SEMESTER GEREJA TEMPATAN**

Semasa Perintah Kawalan Pergerakan dan situasi-situasi serupa, gereja-gereja perlu memberi pertimbangan untuk mengadakan latihan EE secara media dalam talian (online). Berikutnya adalah beberapa panduan yang berguna.

1. Banyak pusat-pusat pendidikan (contohnya, seminari, universiti) sudah mengadakan kelas dalam talian dan kini, nampaknya teknologi ini telah diterima oleh orang ramai sebagai kaedah pembelajaran. Mengendalikan latihan EE secara online juga dilakukan oleh kebanyakan negara di dunia.
2. Latihan Dalam Talian menggunakan platform internet (mis. Zoom) dan fasilitator-fasilitator harus melabur untuk mendidik diri dalam cara menggunakan platform ini dengan baik. Bantuan untuk mempelajari berkenaan Zoom dan lain-lain platform boleh didapati secara online, mis. YouTube yang percuma dan kursus-kursus berbayar. Bergantung pada saiz kelas anda, anda mungkin perlu merekrut seorang pembantu pentadbiran untuk kelas, (mis. untuk membenarkan masuk pelajar-pelajar yang menunggu di talian, memindahkan pelajar-pelajar ke bilik-bilik berasingan (breakout rooms), dll.).
3. Tempoh latihan online adalah serupa dengan latihan fizikal bersemuka. Biasanya kelas berjalan selama 1.5 jam. Interaksi semasa kelas digalakkan dan fasilitator harus mengambil perhatian berkenaan.
4. Perjumpaan rakan-rakan doa dan taklimat pelatih-pelatih dll. harus dijalankan walaupun semasa latihan online.
5. Contoh platform yang boleh digunakan untuk latihan adalah: Zoom, Webex, Google Meet, dll.
6. Peralatan yang diperlukan: Komputer dengan akses internet.
7. Garis panduan berkenaan OJT/Aktivity Persahabatan (AP) telah dikeluarkan secara berasingan. OJT/AP wajib dan perlu dijalankan seiring dengan kelas-kelas dan harus mengikut jadual dan tidak boleh dikecualikan.

EE Malaysia

Draft: 08 Nov 2020

8. Bahan latihan harus diedarkan kepada pelajar-pelajar sebelum semester bermula. Sila memperuntukkan lebih masa apabila membuat pesanan bahan latihan dari pejabat EE semasa perintah kawalan pergerakan berkuatkuasa.
9. Untuk kegunaan dan penyediaan laporan OJT/AP dan rekod aktiviti Semester, dan permohonan untuk persijilan, harap maklum bahwa Kit Semester (dalam Excel) tersedia untuk dimuat turun dari laman web EE Malaysia.
10. Biasanya OJT/AP akan ketinggalan semasa latihan dan ini memanjangkan tempoh latihan. Majlis Graduasi harus dilakukan seawal mungkin selepas latihan selesai untuk mengekalkan minat untuk semester seterusnya.
11. Soal integriti, pemeriksaan lisan harus dijalankan dalam kehadiran fizikal jurulatih di mana jurulatih dapat mengesahkan bahwa pelajar berkongsi dari ingatan dan tidak bergantung kepada alat bantuan ingatan.
12. Pada akhir semester, penilaian harus dilakukan, dan hasilnya disemak. EE Malaysia berbesar hati untuk membantu dalam semakan ini. Borang penilaian online boleh diperolehi untuk kegunaan pelajar-pelajar untuk setiap semester gereja tempatan atas permintaan.
13. Sekiranya anda memerlukan bantuan atau memerlukan penjelasan lebih lanjut, sila hubungi Penasihat Perlaksanaan EE Malaysia.

OJT/AKTIVITI PERSAHABATAN (AP) DALAM TALIAN**Catatan Penting:**

Kami percaya bahawa perbualan Kisah Injil secara bersemuka membantu pelajar mengatasi rasa takut untuk bersaksi. Oleh itu, sesiapa yang tidak terlatih dengan cara ini (perbualan bersemuka fizikal tetapi hanya dengan perbualan Kisah Injil secara talian (online)) akan menghadapi kesukaran bersaksi secara bersemuka di masa depan.

Oleh itu, dengan keadaan yang mengizinkan, perbualan Kisah Injil bersemuka secara fizikal diutamakan walaupun kita menyedari batasan-batasan dalam keadaan tertentu (mis. semasa Perintah Kawalan Pergerakkan waktu pandemik).

OJT/AP secara online membolehkan pasukan berkongsi dengan prospek dari merata-rata tempat di pelusuk dunia. Walaupun ini membuka peluang untuk berinjil, dan menyenangkan pelajar sehingga membuka peluang kepada mereka untuk berinjil ke luar negara, kita perlu ingat bahawa tujuan latihan EE bukan setakat melatih pelajar untuk berkongsi Kisah Injil, tetapi juga untuk melatih pelajar supaya tahu memuridkan dan melengkapi orang lain untuk melakukan yang sama. Oleh itu, perlu ditekankan kepada pelajar bahawa kami mendorong bahkan berharap agar pelajar melanjut terus ke semester berikutnya dan berkhidmat sebagai seorang jurulatih.

Tidak kira apapun, EE Malaysia tetap mengeluarkan sijil bagi latihan secara online mahupun secara fizikal.

1. Terdapat banyak platform online untuk berkongsi Kisah Injil. Antaranya adalah: Zoom, Webex, FB Messenger, Instagram, Whatsapp, Wechat, Google Meet/Hangout, dll. Kita hanya akan menggunakan platform yang berkeupayaan video kerana terdapatnya demonstrasi ilustrasi dan oleh itu platform dengan kemampuan audio sahaja tidak sesuai untuk latihan ini. Fasilitator-fasilitator latihan EE perlu meninjau sama ada talian internet mereka stabil untuk melaksanakan latihan online sebegini. Kadang-kala mungkin kurang sesuai.
2. Adalah penting latihan EE menghasilkan pertumbuhan gereja di gereja tempatan yang menjalankan latihan tersebut. Atas sebab ini, kami amat mengesyorkan agar calon prospek untuk latihan ini tidak dipilih secara rawak mahupun dari mereka yang tinggal di lokasi lain yang jauh dari gereja tempatan. Kami mengesyorkan agar prospek dipilih dari mereka yang pernah mengunjungi gereja sebelumnya dari kawasan yang sama atau mereka yang

EE Malaysia

Draft: 08 Nov 2020

berada di sekitar gereja supaya jikalau adanya kes pernyataan, mereka boleh dimuridkan oleh gereja, dan dengan itu menghasilkan pertumbuhan gereja.

3. Adalah baik, buat masa ini, untuk diperingati bahawa jikalau semester EE dijalankan dengan sempurna, ini akan menghasilkan pertumbuhan gereja. Untuk tujuan ini, kami seharusnya memberi pertimbangan kepada ciri-ciri anggota gereja yang sesuai buat jemaat kita, misalnya, yang berbahasa Melayu, tinggal berdekatan gereja, dan kita harus sewajarnya mencari prospek sebegini.
4. Tindakan susulan sangat penting terutamanya apabila prospek telah membuat pernyataan mempercayai Yesus. Tindakan susulan segera adalah mustahak, tetapi kita mesti menghubungkan prospek kepada gereja tempatan untuk dimuridkan. Ini akan menjadi satu cabaran jikalau prospek berada di luar negara dan, dalam hal seperti itu, anda boleh menghubungi EE Malaysia supaya menghubungi rakan EE untuk mendapatkan sokongan susulan.
5. Beberapa ilustrasi (mis. Jabat Tangan Orang Roma) perlu diubahsuai atau diganti dengan yang lebih sesuai untuk dipaparkan semasa Latihan online.
6. Kita tidak dapat memberikan salinan cetak (hardcopy) buku-buku susulan kecil semasa menjalankan OJT/AP secara online. Setakat ini, Fasal Perkongsian Antarabangsa tidak membenarkan edaran versi dalam talian (softcopy) bahan latihan EE. Mungkin buku-buku kecil ini harus dihantar melalui pos atau kita harus serahkan tindakan susulan kepada gereja tempatan yang dipilih untuk dihubungkan dengan prospek.
7. Adalah disarankan agar setiap pasukan OJT/AP mengalami sekurang-kurangnya satu kes pernyataan. Sekiranya tidak pernah dialami sebelum semester berakhir, kami harus mendorong pasukan untuk meneruskan AP melebihi minimum 10 kali dengan harapan pasukan itu mendapat sekurang-kurangnya satu pernyataan. Mereka yang tidak dapat sebarang kes pernyataan sepanjang tempoh semester, besar kemungkinan tidak akan percaya bahwa EE berkesan.
8. Objektif latihan EE adalah untuk membolehkan pelajar berkongsi kepercayaan mereka dengan yakin dan selesa. Fasilitator-fasilitator harus memastikan objektif ini telah dipenuhi oleh setiap pelajar sebelum pelajar itu diberikan sijil pengesahan penyempurnaan Latihan. Pengalaman OJT/AP dengan minimum 10 kali sememangnya dapat membantu.

EE Malaysia

Draft: 08 Nov 2020

9. Ahli-ahli sepasukan perlu berdoa sebelum berjumpa dengan prospek dan serupa dengan kes OJT/AP fizikal bersemuka, perlu membuat penilaian sesi AP mereka bersama-sama (taklimat susulan) selepas OJT/AP.
10. Pelajar-pelajar harus mengelakkan penggunaan alat bantuan ingatan semasa OJT/AP. Sememangnya susah untuk diperhatikan semasa perbualan online. Keyakinan untuk berkongsi datang dari mengetahui dan menguasai bahan latihan dengan baik dan penuh perhatian. Oleh itu, para pelajar perlu diperingatkan untuk bersiap diri dengan baik dan mereka harus mengambil bahagian dalam perbualan Kisah Injil tanpa alat bantuan ingatan.



EE Malaysia

Draft: 08 Nov 2020

PETUA APABILA BERBICARA SECARA VIDEO ONLINE

1. Gunakan mikrofon kerah dan bukan mikrofon komputer atau iPhone untuk mengurangkan bunyi latar.
2. Putar kamera 360 darjah untuk mendapatkan pencahayaan yang paling bagus. Elakkan jendela yang terang di belakang anda.
3. Kamera tidak sensitif seperti mata anda, jadi anda mungkin perlu mencerahkan wajah anda (mis. dengan lampu meja) jika anda tidak mahu orang lain hanya lihat bayangan anda.
4. Kaji sudut kamera, kamera di paras mata. Lihat ke arah kamera dan bukan ke arah skrin semasa bercakap.
5. Orientasi kamera – gunakan landskap dan bukannya potret untuk Zoom.
6. Pemasangan kamera dengan posisis yang stabil, gunakan tripod untuk iPhone untuk mengelakkan gegaran.
7. Berketampilan sopan. Pastikan warna baju/blaus dapat dibezakan dari latar belakang. Pakaian dari paras pinggang ke bawah tidak menjadi penekanan. Matikan video dan audio semasa anda berdiri untuk berehat.
8. Periksa latar belakang yang mungkin menyebabkan gangguan visual dan audio. Pertimbangkan penggunaan latar belakang maya untuk menghilangkan gangguan visual.
9. Letakkan tanda “Jangan Ganggu” di luar pintu anda semasa panggilan video sedang berlangsung.
10. Berikan tumpuan perhatian semasa panggilan video. Jangan kelihatan tidak berminat atau sibuk melakukan perkara lain.
11. Matikan video dan audio semasa anda berehat dari perbualan.
12. Sedikit solekan peribadi mungkin sesuai.
13. Semasa duduk atau berdiri, jangan bongkok, pastikan postur yang betul semasa bercakap.
14. Tetapan video – biasakan diri dengan tetapan Zoom. Anda boleh mempelajarinya dari video di internet.
15. Video-video berikut boleh membantu:
 - a. <https://www.youtube.com/watch?v=n9gGFrhMR5k&feature=youtu.be>
 - b. https://www.youtube.com/watch?v=hccoy6ovsJQ&feature=emb_logo